

SEJARAH LISAN DALAM MEREKONSTRUKSI PENSEJARAHAN MALAYSIA DI LAUT CHINA SELATAN: ANTARA RUANG DAN POTENSI

(ORAL HISTORY IN RECONSTRUCTING MALAYSIAN HISTORIOGRAPHY IN THE SOUTH CHINA SEA:
SPACES AND POTENTIAL)

JOKO, E. P.¹ – DOLLAH, R.^{1*} – SAKKE, N.¹

¹ *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: amlid[at]jums.edu.my*

(Received 01st May 2026; revised 20th May 2026; accepted 28th May 2026)

Abstrak. Perkembangan disiplin ilmu sejarah buat sekian lama memusatkan perbahasannya kepada falsafah “no document, no history” sebagai wadah merealisasikan penulisan sejarah “seperti sebenarnya berlaku”. Walhal, usaha mendekati realiti ini tidak ditentukan oleh “bentuk sumber”, tetapi “sifat sumber” serta kebijaksanaan sejarawan dalam memaknakan sesuatu peristiwa sejarah. Dalam makna lain, sejarah lisan juga mampu menghadirkan sumber sejarah yang berwibawa dan mempunyai kesahihan tinggi setaraf dengan sumber dokumen. Malahan, sejarah lisan memungkinkan pendokumentasian fakta baharu serta pelurusan dan pengesahan fakta sedia ada dapat dilakukan oleh sejarawan semasa merekonstruksi sesuatu peristiwa sejarah. Atas kekuatan tersebut, artikel ini bermatlamat (i)mendudukan metod sejarah lisan dalam pengkajian isu tuntutan Laut China Selatan, (ii)mendokumentasikan memori kolektif nelayan tradisi masyarakat Bajau di Laut China Selatan serta (iii)mengemukakan fakta baharu mengenai hubungan interaksi antara masyarakat Malaysia (Sabah) dengan kawasan Laut China Selatan buat sekian lamanya. Dalam usaha merealisasikan matlamat di atas, kajian ini menggunakan kaedah analisis teks terhadap dokumen kolonial yang tersimpan di Arkib Negara dan Public Record Office serta memori sejarah nelayan tradisi masyarakat Bajau sebagai pelaku sejarah yang bersifat saksi proto. Hasilnya didapati bahawa metod sejarah lisan mendesak untuk diaplikasikan dalam pengkajian isu tuntutan Malaysia di Laut China Selatan kerana memori sejarah nelayan tradisi masyarakat Bajau membuktikan wujudnya interaksi antara masyarakat pesisir Sabah dengan kawasan tersebut, sekali gus menguatkan asas tuntutan Malaysia ke atasnya.

Katakunci: *sejarah lisan, memori sejarah, nelayan tradisi Bajau, tuntutan Laut China Selatan, sejarah Sabah*

Abstract. The development of the discipline of history has long centred its debate on the philosophy of “no document, no history” as a means of realising historical writing “as it actually happened.” However, the effort to approach this reality is not determined by the “form of the source,” but by the “nature of the source” and the historian’s wisdom in interpreting a historical event. In other words, oral history is also capable of providing authoritative historical sources with a high degree of validity, comparable to documentary sources. Moreover, oral history enables historians to document new facts, as well as to correct and verify existing facts, in the process of reconstructing a historical event. Based on these strengths, this article aims to: (i) position the oral history method within the study of the South China Sea claims issue; (ii) document the collective memory of traditional Bajau fishermen in the South China Sea; and (iii) present new facts regarding the long-standing interactive relationship between Malaysian society in Sabah and the South China Sea area. To achieve these objectives, this study employs textual analysis of colonial documents preserved at the National Archives and the Public Record Office, together with the historical memories of traditional Bajau fishermen as historical actors who function as proto-witnesses. The findings show that the oral history method urgently needs to be applied in the study of Malaysia’s claims in the South China Sea, as the historical memory of traditional Bajau fishermen demonstrates the existence of interaction between the coastal communities of Sabah and the area. This, in turn, strengthens the basis of Malaysia’s claim over it.

Keywords: *oral history, historical memory, traditional Bajau fishermen, South China Sea claims, Sabah history*

Pengenalan

Apabila persoalan sejarah diangkat sebagai sebuah wacana, bermakna perbincangannya adalah berkaitan dimensi waktu yang telah berlalu. Dalam hal ini, sebahagian besar sejarawan memiliki pandangan yang belum berubah mengenai sejarah. Terdapat golongan yang cenderung menganggap sejarah sebagai ilmu pengetahuan yang bergulat dengan masa lalu, maka yang perlu diketengahkan adalah masa lalu itu sendiri (Lohanda, 2011). Namun, terdapat juga golongan yang menganggap sejarah itu bukan persoalan masa lalu semata-mata, tetapi sudah menjadi persoalan masa kini kerana setiap persoalan sejarah yang dimunculkan pada masa lalu terpaksa dihadapi oleh manusia pada masa kini (Foucault, 2002). Walaupun kedua-dua pandangan ini saling bertentangan dalam memaknakan disiplin ilmu sejarah, namun kehadirannya tidak mengubah kebergantungan sejarawan kepada sumber sejarah. Maka sebab itu, kebanyakan sejarawan sepakat bahawa sejarah hanya dapat ditulis dengan keberadaan sumber sejarah dan kebenaran sejarah hanya dapat diungkapkan melalui pengumpulan sumber sejarah kerana sumber memainkan peranan penting dalam menjelaskan sesuatu peristiwa sejarah. Justeru itu, keberadaan sumber sejarah bukan sahaja membolehkan sejarawan menghasilkan penulisannya, tetapi juga mampu merealisasikan matlamat tanpa akhir sejarawan untuk menghadirkan sejarah “seperti sebenarnya berlaku”. Hal ini kerana, gagasan terpenting sepanjang perkembangan disiplin ilmu sejarah adalah berkenaan persoalan kebenaran dalam merekonstruksi sesuatu peristiwa masa lalu. Sungguhpun begitu, usaha menghadirkan kebenaran sejarah sebagai “suatu yang terjadi” dan bukannya “yang dikatakan terjadi” meletakkan kedudukan sumber dokumen sebagai suatu yang lebih objektif dan mempunyai kesahihan fakta sejarah yang tinggi berbanding sejarah lisan. Paradigma ini terserlah sifatnya menjelang abad ke-19 apabila pendekatan ilmu pasti ditekankan secara meluas oleh sejarawan dalam usaha menghasilkan sejarah “seperti sebenarnya berlaku”. Dengan itu, sejarah lisan yang sekian lama berfungsi mewariskan pengetahuan masa lalu kepada generasi terkemudian menjadi kurang penting dan tidak popular, sehingga secara semberono dikelaskan sebagai sumber kedua.

Ternyata, peralihan sudut pandang ini tidak dapat menjamin keseluruhan pengalaman bersejarah sesuatu masyarakat dan negara telah didokumentasi dengan baik kerana budaya menulis surat peribadi, penyimpanan catatan harian dan persediaan memo yang lengkap sudah menjadi kurang penting. Perkara ini memungkinkan keberadaan sejarah lisan masih kekal relevan bagi menentukan pengalaman manusia tidak hilang sebagai sumber sejarah kerana maklumat masa lalu dapat direkodkan, meskipun peristiwa terbabit terjadi dalam tempoh masa yang telah lama. Kerelevanan mendudukan sejarah lisan sebagai metod dan sumber dalam penulisan sejarah bukanlah suatu yang diperbesarkan sekiranya konflik tuntutan wilayah di Laut China Selatan dijadikan sebagai asas pembuktiannya. Hal ini kerana, dalam konteks tuntutan wilayah bersandarkan “faktor sejarah” yang digunakan oleh China, Vietnam dan Filipina memperlihatkan negara tersebut bukan sahaja menggunakan sumber dokumen sebagai asas tuntutananya, tetapi juga metod sejarah lisan yang mendokumentasikan memori kolektif nelayan tradisi sebagai bukti keberadaan mereka di Laut China Selatan buat sekian lamanya. Pendokumentasian ini pula diterima sebagai “bukti sejarah” hubungan

langsung antara negara terbabit dengan Laut China Selatan oleh negara penuntut lainnya. Perkembangan sebegini membuktikan bahawa metode sejarah lisan mampu mengumpulkan pengalaman nelayan tradisi yang bernilai kebangsaan dan berguna untuk menjustifikasikan penghujahan dalam isu pemilikan wilayah yang berlaku. Atas potensi ini, sudah sampai masanya Malaysia menggerakkan usaha mendokumentasikan memori kolektif nelayan tradisi masyarakat Bajau kerana turut menjadikan kawasan Kepulauan Spratly, Laut China Selatan sebagai sumber perekonomian mereka. Keadaan ini disebabkan, pengalaman bersejarah mereka tidak pernah didokumentasikan, sekali gus menyebabkan pengetahuan mengenainya tidak diketahui dan direkodkan dalam pensejarahan masyarakat Malaysia. Makanya, pengaplikasian metod sejarah lisan bukan sahaja dapat mendokumentasikan fakta baharu berkenaan pengalaman bersifat kebangsaan nelayan tradisi masyarakat Bajau, tetapi juga berpotensi untuk mengesahkan penguasaan, ketertarikan dan pengendalian Malaysia di wilayah bergolak ini.

Sejarah lisan dalam penulisan sejarah: Suatu alternatif metodologi

Sumbangan sejarah lisan dalam memperkayakan sumber sejarah terserlah sifatnya apabila ditonjolkan sebagai kaedah penelitian sejarah sehingga membolehkan dapatan baharu dikemukakan dan kebudayaan dapat dilestarikan oleh sejarawan. Dalam hal ini, sejarah perkembangan penulisan sejarah bukan sahaja telah menempuh pelbagai jalan, tetapi juga mengalami perkembangan yang cukup signifikan dalam merekonstruksikan sesuatu peristiwa sejarah. Keadaan ini disebabkan, disiplin ilmu sejarah telah mengalami kemajuan seiring dengan keterampilan sejarawan dalam memanfaatkan pelbagai kaedah yang dapat mendukung penulisan sejarah. Salah satu daripada perkembangan tersebut memperlihatkan sejarah lisan berusaha didudukkan sebagai kaedah sejarah yang signifikan untuk mendapatkan suatu kemungkinan yang tidak dapat dipenuhi oleh sumber dokumen. Perkara ini didorong oleh kelebihan sejarah lisan yang dapat digunakan secara tunggal atau sekadar pelengkap kepada sumber dokumen (Kuntowijoyo, 2003). Kedudukan sejarah lisan sebagai kaedah tunggal dapat dihadirkan sebagai suatu kekuatan kepada sejarawan sekiranya dilakukan dengan cermat kerana permasalahan sejarah banyak yang belum didokumentasikan.

Tambahan pula, sumber dokumen hanya menjadi saksi terhadap kejadian penting menurut kepentingan pengarang dokumen dan zamannya, namun tidak melestarikan kejadian yang bersifat individual dan unik seperti dialami oleh pelaku sejarah. Atas maksud tersebut, pengaplikasian metod sejarah lisan dalam kajian sejarah telah membawa sudut pandangan baharu berkenaan sesuatu peristiwa berdasarkan “memori sejarah” bersifat individu. Maka sebab itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatakan sejarah lisan adalah lebih terperinci dalam membicarakan berkenaan tokoh atau sesuatu peristiwa sejarah kerana dapat mengetengahkan persoalan yang tidak dapat dikemukakan dalam sumber dokumen. Keterperincian maklumat sejarah lisan ini yang memungkinkan James Reston mencadangkan kepada sahabat Presiden J.F. Kennedy, beberapa hari selepas kematiannya agar “catatlah ke atas kertas segala ingatan dan kenangan awak mengenai apa-apa yang telah dilafazkan atau dilakukan oleh mendiang Presiden itu. Catatan ini akan menjadi bahan kepada ahli-ahli sejarah yang akan datang. Bagi mereka yang tidak sanggup menulis, pita rakaman boleh digunakan untuk mengabadikan kenangan dan ingatan-ingatan itu” (Swain, 1965).

Kemampuan sejarah lisan dalam menghasilkan sumber sejarah dan bertindak sebagai alternatif metodologi ini menyebabkan semakin ramai sejarawan berusaha

memposisikan sejarah lisan setaraf dengan sumber dokumen. Meskipun perkara tersebut belum meluas, namun usaha mengalihkan historiografi yang sekian lama didominasi oleh sejarah politik kepada sejarah sosial telah memberikan “talian hayat” baru kepada pendukung sejarah lisan. Walau bagaimanapun, dalam konteks sejarah lisan yang terbahagi kepada sejarah lisan dan tradisi lisan ini menyaksikan penerimaan terhadap sejarah lisan lebih terkehadapan berbanding tradisi lisan sebagai sumber sejarah. Sebaliknya pula, tradisi lisan lebih mendapat sanjungan dalam bidang antropologi – sosiologi kerana kemampuannya melestarikan budaya dan pemikiran masyarakat menyebabkannya digunakan sebagai sumber utama antropologis. Walaupun, diakui penerimaan tradisi lisan sebagai sumber sejarah tidak begitu meluas, namun usaha mendudukkannya bukan baharu kerana Jan Vansina telah menggunakannya sebagai sumber utama dalam mengungkapkan sejarah masyarakat terpinggir di Afrika sejak tahun 1970-an lagi (Vansina, 2014). Dalam hal ini, tatkala sebahagian besar sejarawan masih membahaskan tentang sumber dokumen sebagai sejarah, Vansina pula giat mengangkat tradisi lisan sebagai sumber sejarah yang berkredibiliti dalam menghasilkan penulisan sejarah. Kepercayaan beliau disandarkan kepada pemikiran akan kedudukan testimoni yang terus berkembang dan diwariskan secara bergenerasi dalam ruang memori masyarakat pendukungnya, sekaligus membentuk tradisi lisan. Menurut Vansina, tradisi lisan yang terbentuk adalah rangkuman perjalanan sejarah suatu masyarakat daripada generasi ke generasi tanpa dipengaruhi oleh tradisi bertulis, sekali gus dapat digunakan sebagai sumber sejarah.

Idea yang dimunculkan oleh Vansina ini secara tidak langsung bertindak sebagai anti-tesis terhadap pandangan Robert H. Lowie bahawa “mereka yang meletakkan nilai kesejarahan pada tradisi lisan berada dalam lingkaran kelompok yang ketinggalan zaman”. Tambah beliau lagi, “jikalau terdapat sejarah yang dihasilkan melalui tradisi lisan, maka sejarah itu tidak lebih daripada sesuatu yang dapat disebut sebagai sejarah primitif” kerana hanya membicarakan tentang nilai sejarah dari sebuah tradisi dan bukannya maklumat masa lalu yang terdapat dalam tradisi tersebut. Sudut pandang ini sebenarnya terbina berdasarkan pembahagian Lowie yang membezakan antara (i) pernyataan yang benar atas fakta dengan (ii) kebenaran sejarah. Hal ini kerana, tradisi lisan dinyatakan hanya mengandungi aspek pertama dan bukannya kebenaran sejarah seperti yang berlaku dalam tradisi keilmuan. Makanya, Lowie menyimpulkan sejarawan dan saintis sosial “tidak dapat menggantikan sejarah ilmiah dengan tradisi primitif” dalam menyelesaikan pelbagai persoalan kesejarahan yang hanya dapat diatasi melalui kaedah objektif (Lowie, 1917). Disebabkan sudut pandang Lowie yang dianggap berbahaya kepada kelompok tidak mengenal huruf, terpinggir dan bekas masyarakat terjajah ini juga kemudiannya dikritik oleh Sweeney dengan menghasilkan penulisan berkaitan kelisanan sebagai medium menyampaikan pesan sosial, alat pengawalan sosial dan melestarikan pengetahuan serta pengalaman dalam melestarikan budaya dan sejarah sesuatu masyarakat. Hakikat ini dapat diperhatikan melalui penerbitan buku dan artikel seperti *Professional Malay Story-Telling: Authors and Audiences in Traditional Malay Literature* (Sweeney, 1980), *Some Questions of Style and Presentation* (Secretary of State for Foreign and Commonwealth Affairs, 1974), yang bukan sahaja menjelaskan ciri-ciri kelisanan sebagai sebahagian daripada kebudayaan masyarakat Melayu, tetapi juga mengungkapkan pengaruh sumber lisan dalam memahami sejarah dan budaya dari perspektif “orang dalam”.

Atas faktor ini, tidak menghairankan Shamsul A.B sangat menghargai idea kelisanan yang ditunjukkan oleh Sweeney kerana merupakan reaksi terhadap historiografi

kolonial yang menjadi the natural embodiments of history, territory and society sehingga menyingkirkan peranan masyarakat terjajah dalam proses sejarahnya sendiri (Baharuddin, 2007; Shamsul, 1996). Dalam hal ini, sekiranya kekuatan ketenteraan membolehkan pihak kolonial menakluki secara fizikal ruang geografi sesebuah wilayah, maka melalui ilmu kolonial mereka menguasai ruang epistemologi pemikiran dan ilmu pengetahuan masyarakatnya. Pembinaan ilmu kolonial ini dipercayai melibatkan kaedah saintifik bersandarkan kepada enam langkah yang salah satu daripadanya adalah membina suatu kepustakaan historiografi masyarakat peribumi yang dijajah. Pada setiap langkah ini disematkan analisis sosial yang memungkinkan kuasa kolonial menilai keadaan semasa, menelaah masa hadapan, menggubal dan melaksanakan pelbagai dasar yang memberi kesan terhadap kehidupan masyarakat peribumi, tetapi menguntungkan pihak kolonial (Baharuddin, 2007). Tindakan yang dilakukan oleh pihak kolonial ini pula kemudiannya diterbitkan sebagai laporan rasmi kerajaan, artikel jurnal dan monograf dalam bentuk penulisan ilmiah. Terdapat pula sebahagian besar daripadanya didokumentasikan dan diletakkan di gedung arkib sebagai rujukan utama kepada saintis sosial dan sejarawan yang kemudiannya diterbitkan sebagai kajian mereka. Akibatnya, apabila sejarah sesebuah negara bekas jajahan ditelusuri semula, terdapat penulisan mengenainya yang bersifat “suatu yang dikatakan terjadi” kerana ditulis dari perspektif Barat dan bukannya daripada perspektif tempatan. Oleh sebab itu, Taufik Abdullah sebagai salah seorang pelopor perspektif baru penulisan sejarah masyarakat terjajah menyatakan “sejarah sedemikian sebagai sebuah cerminan ideologi yang berbentuk kisah dan menghilangkan suara masyarakat terjajah” (Abdullah, 2001). Malahan, sebagai sebuah wacana, sejarah kolonial dipercayai bukan sahaja membentuk sekumpulan idea yang harus dipelihara, tetapi juga sebuah cara untuk menciptakan realiti tanpa sempadan sesuai dengan fungsinya sebagai pemelihara struktur kekuasaan (Spurr, 1993). Matlamat ini yang memungkinkan Van Leur turut mencurigai keberadaan ilmu kolonial dengan menyatakan “dalam historiografi kolonial, sejarah masyarakat terjajah sebenarnya turut dinista dan ditiadakan”.

Pada masa sama, sejarah lisan juga mempunyai kelebihan untuk mengalihkan dominasi “sejarah politik”, “sejarah dari atas” dan “sejarah orang besar” dengan mengangkat pengalaman dan pengetahuan masyarakat biasa yang juga “arif”, “pakar” dan terlibat secara langsung dalam melestarikan budaya dan sejarah kelompoknya. Hal ini kerana, sejak akhir abad ke-19 sudah muncul gerakan yang berusaha mengalihkan pemusatan historiografi yang sekian lama terkepompong dengan “sejarah politik”, bersifat “sejarah dari atas” dan cenderung kepada “sejarah orang besar” semata-mata. Gerakan ini muncul akibat kekecewaan terhadap sejarawan aliran Rankean dan neo-Rankean yang sehingga menyebabkan Karl Lamprecht memperkenalkan konsep sejarah baru dalam sejarah yang dikenali sebagai “sejarah kolektif”. Wacana tandingan yang dikemukakan oleh Lamprecht ini dianggap oleh Otto Hintze lebih maju daripada Ranke kerana “kita ingin mengetahui tidak hanya puncak gunung melainkan juga kaki gunungnya, tidak cuma tinggi dan dalamnya daratan melainkan keseluruhan benuanya” (Burke, 2011). Gesaan sama dikemukakan oleh Frederick Jackson Turner pada tahun 1890-an dengan menyatakan “semua bidang kegiatan manusia harus diperhatikan kerana tiada bahagian kehidupan sosial dapat difahami secara terpisah dari yang lainnya”. Pemahaman baharu dalam penulisan sejarah ini menyebabkan pusat penceritaan sejarah semakin beragam apabila “sejarah sosial” mula mengiringi “sejarah politik” sebagai tulang belakang penulisan sejarah, sekaligus menjadikan ilmu sejarah bersifat multidisiplin. Secara tidak langsung juga, fokus penelitian sejarah adalah

kepada masyarakat itu sendiri dengan memperkenalkan kenyataan baru berkaitan masyarakat bawahan dan mengakui kelompok masyarakat yang dilupakan (Supardan, 2024).

Sekiranya, sejarawan aliran Rankean meletakkan asas penulisan mereka kepada sumber dokumen, maka pendukung sejarah sosial pula memberi nafas baru kepada pengembangan sejarah lisan dalam penulisan sejarah. Perkara ini disebabkan, sejarah lisan dapat memecahkan sempadan antara institusi pendidikan dengan masyarakat serta antara golongan elit dengan golongan bawahan. Dengan itu, sejarah lisan akan membuka ruang kepada golongan terpinggir, golongan bawahan dan golongan miskin untuk menulis “memori sejarah” mereka sendiri (Lynd, 1993). Sudah pasti pengembangan tema baru menggunakan kaedah kelisanan sangat diperlukan agar dapat mengimbangi penulisan sejarah dan penelitian sosial yang terlalu berorientasikan elit politik dan cenderung memperlakukan golongan bawahan sebagai objek dari penindasan kapitalis, tetapi jarang menonjolkan peranan aktif mereka dalam sesuatu peristiwa sejarah. Maka, tidak menghairankan apabila masyarakat semakin kerap mendengar sejarawan membincangkan tentang penemuan kembali suara mangsa keganasan, golongan miskin dan masyarakat yang dipinggirkan. Atas faktor ini menyebabkan Paul Thompson menyatakan “apabila biografi tokoh hanya menampilkan kehidupan dan pandangan elit, maka kaedah kelisanan dapat dilihat sebagai biografi masyarakat”. Tambah beliau lagi, kaedah kelisanan juga menjadikan penulisan sejarah menjadi lebih demokratik kerana mengubah fungsi sosialnya agar bersifat manusiawi dan memperluaskan tema penulisan sejarah. Walaupun, sejarah lisan mampu bertindak sebagai alternatif metodologi kepada rekonstruksi sejarah masyarakat bawahan, namun kebanyakan projek sejarah lisan yang dijalankan masih gagal keluar daripada tema sejarah dominan dan cenderung mendokumentasikan testimoni lisan daripada orang besar. Seandainya perkara ini ditelusuri secara lebih meluas, ternyata kegagalan pendukung awal sejarah lisan dalam menghasilkan penulisan sejarah bukanlah suatu yang menghairankan. Perkara ini dapat diperhatikan apabila Allan Nevins yang mempopularkan penggunaan sejarah lisan dalam pengkajian sejarah masyarakat Amerika juga kekal memerhatikan dan menemubual orang ternama dalam menghasilkan penulisannya. Dalam hal ini, Nevins memilih projek sejarah lisan pertama dilaksanakan di Universiti Colombia kerana berpotensi mendapatkan pembiayaan dari luar. Hakikat ini dibuktikan dengan menelusuri projek terawal yang dilaksanakan oleh Nevins adalah seperti *Oil Wild Catting, the Book of the Month Club, Ford Motor Company* dan *Timber Industry* kerana potensi individu atau syarikat yang ditemubual untuk memberikan dana kepadanya (Moss dan Mazikana, 1986).

Dalam hal ini, sememangnya diakui penulisan sejarah juga tidak terlepas daripada kebergantungan terhadap elit politik terutamanya untuk mengetahui peristiwa berkenaan persoalan kemerdekaan, perkembangan politik mahu pun pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Namun, pemusatan sejarawan kepada pendokumentasian “memori sejarah” elit menyebabkan banyak peristiwa penting yang dialami dan nilai budaya yang dilestarikan oleh masyarakat bawahan akan hilang sebagai bukti budaya dan sejarah kerana kurangnya usaha pendokumentasian dilakukan. Maka sebab itu, sejarawan juga disarankan untuk mengalihkan kecenderungan mereka daripada pemusatan kepada sumber dokumen kepada sejarah lisan dan daripada pendekatan “sejarah dari atas” kepada pendekatan “sejarah dari bawah” agar dapat memberikan perspektif berlainan, melestarikan budaya serta mendokumentasikan fakta baharu dalam memahami masa lalu. Atas kekuatan metode kelisanan ini membolehkan fungsi sejarah lisan semakin

meluas kerana tidak hanya sebagai pendokumentasi maklumat baharu menjadi sumber sejarah, tetapi juga dapat mengekalkan kedudukan masyarakat bawahan dalam penulisan sejarah (Dunaway dan Baum, 1996; Hassan, 2004). Keupayaan ini dapat diperhatikan melalui ungkapan Gary Y Okhirio seperti berikut:

“Black Women, silent, almost invisible in America, has been speaking for three hundred years in pantomime or at least in a borrowed voice. She has moved silently through the mythological roles forced upon-her chattel to mammy to Matriarch. She has solaced and fortified the entire South of the United States, black and white, male and female, a South which reveres and heeds her in secret, which confides in her and trusts her to rear its children, black and white, yet which-like the rest of America-has never asked her to speak, to reveal her private history, her knowledge, her imaginings, never asked her participation in anything but maintenance of humanity by way of the back door”

(Okhiro, 1981)

Bersandarkan kekuatan sejarah lisan yang tidak sekadar mendemokrasikan sejarah, tetapi juga memperluaskan tema dalam penulisan sejarah menyebabkan negara China, Filipina dan Vietnam menggunakannya untuk mendokumentasi memori sejarah nelayan tradisi masyarakatnya di Laut China Selatan. Perkara ini dilakukan atas kesedaran bahawa dokumen kolonial British, Francis dan Jepun cenderung didominasi oleh penulisan yang bersifat “sejarah dari atas”, “orang-orang besar” dan “sejarah politik” semata-mata sehingga mengabaikan “sejarah dari bawah”, “suara orang kecil” dan “sejarah sosial” masyarakat terjajah. Keadaan yang tidak menguntungkan ini akhirnya berusaha diatasi dengan mendokumentasikan dan menyebarkan pengalaman nelayan tradisi mereka di Laut China Selatan sebagai salah satu asas pembuktian sejarah pemilikan di wilayah terbabit. Dalam makna lain, metod sejarah lisan digunakan sebagai alternatif memunculkan historiografi nasional, sekali gus berpotensi mengukuhkan hujahan berkaitan hak pemilikan ke atas Laut China Selatan bersandarkan kepada faktor sejarah. Kejayaan ketiga-tiga negara ini dalam mendokumentasikan memori sejarah nelayan tradisi sebagai sumber historiografi baharu Laut China Selatan tidak hanya bersifat sepihak, tetapi juga dibenarkan kesahihannya oleh negara penuntut lain. Atas faktor ini membolehkan bukti sejarah yang bersifat memori kolektif nelayan tradisi digunakan sebagai salah satu sumber utama dalam menjustifikasikan hak pemilikan wilayah di Laut China Selatan sehingga kini.

Tuntutan di Laut China Selatan: Memori sejarah nelayan tradisi sebagai sumber sejarah

Persaingan antara ke‘raja’an dan kuasa utama dunia untuk menguasai wilayah Laut China Selatan sebenarnya sudah muncul sebelum wujudnya era “negara bangsa” di Asia Tenggara. Hakikat ini terbukti apabila sejak (i)abad ke-8 hingga 12 menyaksikan wilayah tersebut berada di bawah mandala kekuasaan ke‘raja’an Melayu Nusantara manakala pada (ii)abad ke-12 hingga 15 didominasi oleh Kerajaan China dan dari (iii)abad ke-17 hingga 19 pula dikuasai oleh kuasa Barat sebagai sebahagian daripada proses imperialisme. Meskipun begitu, sehingga abad ke-19, hanya British dan Perancis yang masih bertahan dalam persaingan kuasa di Laut China Selatan, tetapi tidak menimbulkan pertikaian wilayah antara keduanya. Walhal, British sudah menandai

penguasaan ke atas wilayah ini sejak tahun 1877 dan menjadi negara pertama yang menuntut secara rasmi penguasaan ke atas dua pulau terbesar di Kepulauan Spratly melibatkan Spratly Island dan Amboyna Cay bagi mendapatkan hak mengeksploitasi guano secara sah. Tindakan “pengakuan” pemilikan yang dilakukan oleh British pada ketika itu tidak menimbulkan sebarang konflik memandangkan kuasa Barat lainnya tidak menunjukkan “minat yang cukup besar” terhadap ciri fizikal kedua-dua pulau terbabit. Secara umumnya, proses pemilikan Pulau Spratly dan Amboyna Cay oleh British diperincikan seperti berikut:

“Mr Treacher (who held simultaneously the Office acting Governor of Labuan and Acting Consul-General in Borneo, accordingly signed a document (Paper No. 1) dated the 25 Oct 1877, in which it was recorded that the claim was registered in the Colony of Labuan, and that permission was given to Mr Graham and Mr Simpson to hoist the British flag over the said island and cat, subject to the approval of Her Britannic Majesty’s Secretary of State for Foreign Affairs. The document provided, however, that the claim should lapse if, within 10 years from 25 Oct 1877, the said lands and products were not duly worked and turned to account, and if at any time subsequently they should be left unworked for the space of five ears...


...The investigation made by Foreign Office of that time, it appeared that no foreign government had officially claimed the sovereignty over those islands and that both islands were so far distant from Borneo on the one side, and the Malay peninsula on the other, that they could not fairly be claimed as dependencies of either of these territories on the ground of continuity and geographical position. The colonial office responded that the islands in question being beyond the limits of the Colony of Labuan (because the department was had not directly interested) - suggested that the Consul-General in Borneo seemed to be the proper place for registration of ownership of Spratley Island and Amboyana Cay. Mr Graham did go to Amboyana Cay in May and September 1879...

... In reporting the above to the Foreign Office, Mr Treacher mentioned that it would be of advantage to ships navigating in those parts if there were some place at which shipwrecked mariners could obtain shelter and assistance, and it was the intention of Messrs. Graham, Simposn and James to erect some kind of building for their servants on one or both of the islands, should they venture prove practicable...

(Colonial Office, 1930)

Sungguhpun menguasai wilayah Laut China Selatan secara sah, namun British tidak membuat sebarang bantahan terhadap Perancis yang meletakkan Kepulauan Spratly di bawah pentadbirannya di Baria, Cochinchina, walhal mereka tidak pernah menggugurkan hak pemilikan ke atas Spratly Island dan Amboyna Cay. Bantahan daripada British ini hanya muncul selepas Konsulat Jepun di Hanoi mempersoalkan tentang penguasaan Perancis terhadap terumbu karang dan pulau di sekitar Pulau Palawan, Filipina kerana termasuk dalam wilayah Kepulauan Spratly. Ketidaksetujuan ini semakin diperlihatkan selepas Jepun berjaya menduduki Spratly Island semasa Perang Dunia Kedua sehingga mempengaruhi British menyatakan kepada Perancis bahawa “sekiranya mereka tidak berusaha mempertahankan tuntutan wilayah di kepulauan ini, maka British akan melakukannya”. Oleh sebab itu, apabila Jepun

semakin berjaya menguasai wilayah Laut China Selatan, maka Pejabat Luar Negeri British melakukan bantahan ke atas Jepun dengan menyatakan “tidak pernah meninggalkan hak pemilikan wilayah mereka di Kepulauan Spratly”. Pada masa sama, British juga mengirim surat diplomatik kepada Menteri Luar Jepun dengan menyatakan “tuntutan Jepun di Kepulauan Spratly tidak memiliki landasan undang-undang” (Cabinet – Defence and Overseas Policy Committee (Secretary of State for Foreign and Commonwealth Affairs, 1974). Konflik pemilikan wilayah ini terus berkesinambungan selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua apabila China menerbitkan peta bertajuk “Pulau-Pulau China di Laut China Selatan” pada tahun 1947 yang merujuk kepada “Nine Dash Line” bagi menguasai beberapa pulau yang sebelumnya dikuasai oleh Jepun (Roszko, 2017; Ikeshima, 2014; Rosen, 2014). Pada pandangan kerajaan China, tuntutan terbabit berasas untuk dikemukakan memandangkan gugusan 85 pulau di Laut China Selatan sudah menjadi sebahagian daripada negara China sejak Dinasti Han (206-220SM) lagi. Meskipun tuntutan China ini tidak diikuti dengan aksi pendudukan wilayah, namun tindakan tersebut menimbulkan reaksi penentangan daripada beberapa negara di Asia Tenggara seperti Vietnam, Filipina, Malaysia dan Brunei.



*Rajah 1. Pulau-Pulau China di Laut China Selatan Dalam Peta 1947.
Sumber: Ikeshima (2014).*

Dalam konteks tuntutan ini menyaksikan hanya negara China, Taiwan, Vietnam dan Filipina yang menggunakan “faktor sejarah” sebagai asas pemilikan mereka, sedangkan Malaysia dan Brunei lebih menumpukan penghujahannya kepada “faktor geografi” atau berdasarkan ratifikasi Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Bagi negara penuntut yang memperkuat asas tuntutannya melalui faktor sejarah menyaksikan sumber pembuktiannya bukan hanya berpaksikan kepada sumber dokumen dan artifak, tetapi juga melibatkan aspek kelisanan. Perkara ini bermakna, sejarah lisan yang bersifat “memori kolektif” dan “memori sejarah” diterima sebagai salah satu sumber sejarah dalam menjustifikasikan berkenaan pemilikan wilayah Laut China Selatan. Hakikat ini terbukti apabila China menggunakan hujahan pembuktiannya berdasarkan kepada memori kolektif nelayan tradisi mereka yang dinyatakan sudah sampai ke Laut China Selatan sejak dinasti Ming lagi (Roszko, 2017; Wright, 1963). Pengalaman penjelajahan dan pelayaran nelayan tradisi ini yang

kemudiannya didokumentasikan dan disebarluaskan sebagai salah satu asas pembuktian sejarah negara China pada masa kini. Salah satu daripada memori sejarah tersebut yang sudah didokumentasikan tidak lewat dari abad ke-18 adalah bertajuk Geng Lu Bu (The Road Map) dan memerihalkan tentang pengalaman beberapa generasi nelayan tradisi Hainan (Wu, 2013). Memori kolektif ini antaranya memperincikan tentang nama pulau, ciri khusus serta jarak pelayaran untuk sampai ke Xisha (Kepulauan Paracel) dan Kepulauan Nansha (Kepulauan Spratly). Perincian berkenaan perkara ini dinyatakan seperti berikut:

“... From Wuidoabe [Itu Aba Island] to Suivi [Subi Reef], take the [compass] course between Ren-Bing and Si-Hai,68 and about 3 gengs69 to the northwest [to reach the destination]. From Wuidoabe to Wgu'e [Whitsum Reef], take the course Qian-Xun,70 and about 3 gengs to the southeast [to reach the destination]. From Wuidoabe to Laowgulao [Discovery Great Reef], take the course of Yan-Shen,71 and about 3 gengs to the southwest [to reach the destination]. From Wuidoabe to Namyit Du [Namyit Island], take the course of Ren-Bing,72 and about 1 geng to the southeast [to reach the destination]. From Namyit Du to Sinkao [Sin Cowe Island], take the course of Zi-Wu, 73 and about 2 gengs to the south [to reach the destination...]”

“... the names of islands and cays usually contain the suffixes du (zhi, literally 'island or islet' in Mandarin) or dugia (zhizai, literally 'small island' or 'islet' in Mandarin), reefs tend to contain the suffixes dua (xian, literally 'slim sandy banks' in Mandarin) or duua (sha in Mandarin, which literally means 'sandy banks'), and atolls generally are named with the prefix or suffix huang (kuang in Mandarin). There are also variations, such as 筐 and 坎 which are pronounced the same way, and huan (quan in Mandarin)...”

(Wu, 2013)

Penamaan beberapa pulau di sekitar Kepulauan Paracel dan Spratly bersandarkan memori kolektif nelayan tradisi Hainan ini turut diakui oleh British melalui penerbitan Pejabat Hidrografi Laksamana British pada tahun 1868 dengan menyatakan “the names of the two islands were designated according to local pronunciation as rendered by the fishermen of Hainan Island... include the islands of Thitu and Subi, derived from Hitu and Sinbue” (Liu, 1995). Di samping itu, terdapat juga laporan mengenai kehidupan nelayan Hainan yang ditemui British di Tebing Tizard, Kepulauan Spratly semasa sedang mengumpul trepang dan kulit kura-kura. Dalam catatan tersebut menyebut tentang “some had stayed on the reefs for many years. Every year small ships came from Hainan to exchange trepang and tortoiseshell for rice, food, and other daily necessities; fishermen from Hainan would usually leave for the islands in December and January and return as soon as the first southwest monsoon blew” (Hydrographic Office, British Admiralty, 1899). Kelompok ini juga dinyatakan sering sampai ke North Danger Reefs untuk mengumpul gamat dan cengkerang serta mengambil air daripada perigi “in the centre of the northeastern part of the formation” (Wu, 1999). Bukti sejarah sama turut direkodkan dalam catatan Jepun seperti novel Stormy Islands oleh Ogura (1940) dan A Survey of the New South Islands (Shen, 2002) serta Francis melalui artikel bertajuk French New Islands dengan menerangkan mengenai kehidupan produktif nelayan tersebut di Kepulauan Spratly. Maklumat yang didokumentasikan ini bukan

sahaja dapat memperincikan berkenaan toponimi dan pencirian mengenai Laut China Selatan, tetapi juga memperlihatkan bagaimana memori kolektif nelayan tradisi digunakan oleh kerajaan China sebagai sumber sejarah yang berwibawa dalam isu tuntutan yang berlaku.

Usaha sama dilakukan oleh kerajaan Filipina apabila menggunakan memori nelayan tradisi mereka sebagai pembuktian dalam penghujahan timbang tara bersama China pada tahun 2016. Dalam hal ini, Filipina telah mengemukakan afidavit daripada enam orang nelayan bagi mengesahkan aktiviti memancing di Beting Scarborough sudah dijalankan buat sekian lama dan masih berterusan sehingga kini (PCA, 2016). Menurut kerajaan Filipina, mereka menyediakan surat kebenaran kepada rakyatnya yang ingin memancing di kawasan tersebut sekurang-kurangnya sejak tahun 1982 ataupun melalui bukti tidak langsung sejak tahun 1972. Bukti sejarah ini berusaha diperkukuhkan melalui penerbitan Biro Perikanan Filipina pada tahun 1953 dengan menggambarkan Beting Scarborough sebagai salah satu “principal fishing areas” kepada nelayan Filipina (Manacop, 1953). Kenyataan ini selari dengan laporan Tentera Laut Filipina yang menyatakan Beting Scarborough “as a traditional fishing ground of fishermen from neighbouring Asian countries that have been heading to this area for its rich marine resources. Both foreign and local fishermen are among those who venture to this atoll, and they would be fishing there for about a week or more” (Casem, 2012). Makanya, kerajaan Filipina mengakui terdapat bukti yang memperlihatkan perairan di sekitar Kepulauan Spratly menjadi tempat menangkap ikan nelayan tradisi antaranya dari Filipina, Vietnam dan China (termasuk Taiwan). Dokumentasi ini seterusnya disahkan kesahihannya melalui afidavit memori nelayan tradisi Filipina yang mengakui pernah melihat nelayan asing dari Vietnam dan China memancing di Beting Scarborough.

Bersesuaian dengan maklumat di atas, maka adalah tidak menghairankan apabila Vietnam turut menggunakan memori sejarah nelayan tradisi untuk mengukuhkan asas tuntutannya di Laut China Selatan. Dalam konteks ini, usaha memulihkan dan memelihara dokumen lama berkaitan Kepulauan Paracel dan Spratly bukan sahaja bertujuan memperlihatkan penguasaan Dinasti Nguyễn di kawasan tersebut, tetapi juga mengetengahkan peranan nelayan tradisi mereka dalam menguasai wilayah Laut China Selatan (Roszko, 2017). Berdasarkan dokumen yang disimpan Cham di Pulau Phu Quy memerihalkan “three vessels with Cham “fishermen,” who were probably skillful sailors, shipbuilders, and traders, were launched to the Paracels and Spratlys at the command of King Minh Mạng (1791–1841) to mark the sea routes” (Roszko, 2017). Rekod bertulis ini turut disahkan kebenarannya melalui temubual bersama golongan tua penduduk Tanmen yang menyatakan “... the two archipelagos to be their traditional fishing grounds and underlined their own cosmopolitan status as traders”. Maklumat ini juga selari dengan kenyataan masyarakat Lý Sơn yang menjelaskan bahawa nenek moyang mereka sudah menerokai Kepulauan Paracel dan Spratly sejak sekian lama dan akan “... whether or not the Vietnamese government would provide financial or military support for their fishing fleets - the islanders were determined to continue their operations in those areas, because this was how they had always earned their livelihood” (Roszko, 2017). Memori kolektif nelayan tradisi Vietnam ini sukar untuk dinafikan kebenarannya kerana Gutzlaff sendiri mengakui bahawa nelayan dari Annam (Vietnam Tengah) dan Hainan sudah mempunyai kedekatan sejarah dengan kedua-dua kawasan terbabit. Perkara ini dinyatakan seperti berikut:

“From time immemorial, junks in large number from Haenan [sic], have annually visited all these shoals and proceeded in their excursions as far as the coast of Borneo. Though more than ten per cent. are annually wrecked, the quantity of fish taken is so great as to ensure all loss, and still leave a very good profit. The Annam government, perceiving the advantages which it might derive if a toll were raised, keeps revenue cutters and a small garrison on the spot to collect the duty on all visitors, and to ensure protection to its own fishermen. A considerable intercourse has thus gradually been established, and promises to grow in importance on account of the abundance of fish which come to these banks to spawn. Some islets bear a [sic] stunted vegetation, but fresh water is wanting; and those sailors who neglect to take with them a good supply are often put to great straits”

Maklumat sejarah yang dikemukakan oleh negara China, Vietnam dan Filipina ini secara tidak langsung membuktikan bahawa memori sejarah nelayan tradisi mempunyai kedudukan yang signifikan untuk diangkat sebagai salah satu sumber berwibawa dalam isu tuntutan Laut China Selatan. Oleh sebab itu, sehingga kini tiada sanggahan dilakukan oleh negara penuntut lain seperti Malaysia dan Brunei berkaitan penggunaan memori kolektif nelayan tradisi dalam menjustifikasikan hak pemilikan wilayah Laut China Selatan oleh ketiga-tiga negara tersebut. Bersandarkan kepada perkembangan sedemikian, adalah perlu untuk Malaysia menggunakan pendekatan sama dengan mendokumentasikan pengalaman nelayan tradisinya bagi membuktikan wilayah Laut China Selatan ini juga tidak asing kepada rakyatnya. Dalam makna lain, wilayah Laut China Selatan tidak hanya didatangi dan dijelajah oleh nelayan China, Vietnam dan Filipina, tetapi juga Malaysia kerana mereka berkongsi kesedaran sama tentang kekayaan hidupan laut di kawasan terbabit. Dengan itu, Malaysia mempunyai kesempatan baharu untuk merekonstruksi sejarah keterkaitannya dengan wilayah Laut China Selatan bersandarkan kepada memori sejarah nelayan tradisi, sekali gus mengurangkan pergantungan kepada dokumen kolonial British semata-mata. Walau bagaimanapun, usaha ini hanya dapat dilakukan dengan pengaplikasian metod sejarah lisan kerana memori sejarah nelayan tradisi terbabit tidak pernah didokumentasikan sehingga kini. Makanya, metod sejarah lisan mempunyai ruang dan potensi untuk diaplikasikan dalam merekonstruksi sejarah Malaysia di Laut China Selatan.

Ruang dan potensi sejarah lisan: Rekonstruksi sejarah Malaysia di Laut China Selatan

Kajian terhadap historiografi Malaysia memperlihatkan bahawa masyarakatnya hidup dengan budaya kelisanan kerana wilayah ini memiliki kekayaan yang sangat besar mengenai folklore, tradisi lisan dan testimoni lisan (Adam, 2000). Perkara ini membuktikan wujudnya budaya kelisanan yang berkembang di Malaysia dan masyarakatnya pula menghargai sumber lisan sebagai salah satu kaedah untuk memahami dan menterjemahkan peristiwa masa lalu. Oleh sebab itu, budaya kelisanan ini bukan suatu perkara baharu, sebaliknya sudah dimulakan sejak historiografi tradisional lagi apabila pengarangnya kerap memulakan cerita mereka dengan istilah “al-kisah”, “yang empunya cerita” dan “tersebutlah sebuah cerita”. Penggunaan istilah tersebut membuktikan bahawa cerita (sejarah) yang mereka tuliskan adalah diperoleh daripada individu lain sebelum didokumentasikan menjadi teks Sulalatus Salatin, Hikayat Hang Tuah serta Merong Mahawangsa dan kemudiannya dirujuk oleh sejarawan moden. Malahan, sehingga kini masih banyak penerusan pengetahuan

masyarakat Malaysia berjalan secara kelisanan khususnya yang melibatkan sejarah sosial, sejarah mikro dan sejarah masyarakat biasa kerana tidak mempunyai kemampuan untuk mengetengahkan pengalaman mereka dalam bentuk penulisan. Justeru, kehadiran sejarah lisan adalah untuk memastikan sejarah yang bernilai kebangsaan daripada masyarakat biasa ini dapat didokumentasikan sebagai sebahagian daripada peradaban bangsa Malaysia.

Kepentingan pendokumentasian memori sejarah daripada masyarakat biasa ini tidak boleh diperkecilkan kerana bukan sekadar memberikan perspektif baharu dalam historiografi nasional, tetapi juga dapat digunakan dalam konteks penyelesaian isu keselamatan negara. Hal ini kerana, sejarah adalah bersifat tiga dimensi dalam satu waktu iaitu masa lalu mempengaruhi masa kini dan masa kini akan mempengaruhi masa hadapan. Makanya, sejarah bukan persoalan masa lalu semata-mata, sebaliknya juga bersifat “kekinian” kerana sikap dan tindakan rakyat Malaysia suatu ketika dahulu akan menentukan arah serta memberikan kesan pada masa kini dan seterusnya masa hadapan (Alfian, 1969). Perkara ini dapat diperhatikan melalui konflik tuntutan wilayah di Laut China Selatan (Kepulauan Spratly) yang meletakkan memori kolektif nelayan tradisi sangat berguna untuk mengesahkan keberadaan dan ketertarikan rakyat Malaysia (masyarakat Bajau) serta hubungan langsung daratan Sabah dengan wilayah tersebut sebelum terbentuknya Malaysia. Dengan mengetengahkan bukti baharu ini mampu mengukuhkan tuntutan Malaysia ke atas beberapa pulau dan terumbu di Kepulauan Spratly yang sebelumnya hanya bersandarkan kepada prinsip undang-undang antarabangsa (UNCLOS), peta baharu 1979 serta pendudukan efektif ke atas Pulau Layang-Layang sejak tahun 1983. Kesempatan ini diperoleh memandangkan metod sejarah lisan adalah (i)bersifat “kekinian” kerana memberikan kesempatan yang luas untuk mendapatkan maklumat daripada pelaku sejarah, (ii)mampu menemui pelaku sejarah yang tidak dapat dicapai melalui pemusatan kepada penggunaan sumber dokumen dan (iii)memperluaskan tema penulisan sejarah kerana tidak dibatasi oleh sumber dokumen, sekali gus mendalami permasalahan yang tidak pernah dibincangkan sebelumnya (Yudanto, 2007; Farid, 2003; Kuntowijoyo, 2003).

Atas sumbangan metod sejarah lisan dalam mengembangkan substansi penulisan sejarah menyebabkan Paul Thompson mengiktiraf sejarah lisan sebagai “biografi masyarakat” (Thompson, 2017). Kehadiran sejarah lisan sebagai biografi masyarakat ini bukan sahaja disebabkan pendokumentasian sejarah masyarakat bukan elit, tetapi juga dipengaruhi oleh pengembangan ruang lingkup sejarah yang tidak lagi dibatasi oleh pertanyaan mengenai proses, tetapi juga persoalan struktur dan objek sejarah (Kuntowijoyo, 2003). Dengan itu, sejarah lisan berjaya menempatkan sejarah “masyarakat tanpa sejarah” pada kedudukan sewajarnya apabila suara masyarakat terjajah, golongan buruh, etnik minoriti serta masyarakat bawahan semakin banyak diketengahkan dalam penulisan sejarah (Perks dan Thomson, 2015; Erman, 2011; Grele, 2007; Janesick, 2007; Kwa, 2000). Makanya, sejarah lisan berkeupayaan memberi ruang kepada usaha pengembangan sejarah yang berteraskan penulisan sejarah lokal dan sejarah mikro termasuklah pendokumentasian memori kolektif nelayan tradisi kumpulan etnik Bajau di Kepulauan Spratly. Secara umumnya, ruang untuk mendudukan metod sejarah lisan dalam pengkajian konflik tuntutan di Laut China Selatan adalah sangat besar kerana pelaku sejarah yang bersifat saksi proto (terlibat dan melihat) masih boleh ditemui, sekali gus memungkinkan bukti sejarah baharu mengenai keberadaan Malaysia di wilayah terbabit (Kepulauan Spratly) buat sekian lamanya berpotensi untuk dikumpulkan dan disebarluaskan kepada masyarakat dunia.

Nelayan tradisi sebagai pelaku sejarah bersifat saksi proto

Sememangnya disadari bahawa banyak pihak meragukan tentang terdapatnya hubungan langsung antara masyarakat Malaysia (Sabah) dengan wilayah Laut China Selatan. Pandangan ini bersandarkan kepada (i)kedudukan kawasan tersebut yang terletak berjauhan dari tanah besar Sabah dan (ii)ketidakmampuan nelayan tradisi untuk memiliki teknologi perkapalan yang baik pada ketika itu, sekali gus memungkinkan mereka untuk sampai ke sana. Keraguan sebegini sememangnya berasas untuk diterima sebagai suatu kebenaran, tetapi secara kenyataannya nelayan tradisi daripada masyarakat Bajau sudah berada di kawasan ini sejak era kolonial masih berlangsung di Malaysia. Perkara ini bukanlah suatu kenyataan yang diperbesarkan kerana British sendiri mengakui dalam catatan mereka pada tahun 1951 bahawa angkatan lautnya telah menemui nelayan yang mengaku berasal dari Borneo. Laporan terbabit dinyatakan seperti berikut:


The last time these islands visited by the Navy (1951), some fishermen were found there, at first, said that they came from Borneo. This suggests that conceivably our claim to the island, such as it is, might perhaps be bolstered by evidenced of a long standing connection with British Borneo. In case, therefore, the colonial Office could help you in this aspect of the question we are copying this letter to their Far Eastern Department...

... Since we wrote that letter earlier today it has occurred to us that there might even be a fishing link between Spratly and Malaya as well as between Spratly and Borneo. It is obviously improbable that you will have anything in the Colonial Office about visits by Malayan or Bornean fishermen to this remote spot; it is the sort of thing that one would have to ask the fishermen themselves about. The man who is likely to know more about this than anyone else is, we think, Le Mare (the Pan-Malayan, Director of Fisheries, who is no on leave). I thought therefore, that Office Research Department think he possibility – if the Foreign is worth pursuing – of getting hold of the Le Mare and asking if he knows anything about it...

(Secretary of State for Foreign and Commonwealth Affairs, 1974)

Laporan ini membuktikan bahawa nelayan tradisi dari Sabah sudah sampai di kawasan Kepulauan Spratly sejak sebelum Malaysia dibentuk meskipun tidak mempunyai teknologi perkapalan yang canggih. Perkara ini tidaklah menghairankan kerana masyarakat yang mendiami kawasan pesisir Sabah sememangnya terkenal dengan kehebatan ilmu kelautan sehingga dicatatkan dalam banyak rekod Barat. Dengan berbekalkan falsafah “laut sebagai penghubung, bukan pemisah” membolehkan masyarakat Iranun yang berpusat di Tempasuk, Kota Belud serta Balangingi di sekitar Teluk Marudu, Kota Marudu dan kawasan Silam, Lahad Datu belayar jauh sampai ke Selat Melaka dan Laut Sulu untuk mendapatkan bekalan ekonomi sebagai perompak laut (Mohammad dan Tarsat, 2022; Warren, 2002; 1981). Kehadiran mereka di Selat Melaka telah dicatatkan oleh Munsyi Abdullah yang pernah bertembung dengan “orang-orang Dayak Laut bersama orang Iranun dan Balangingi” di pantai timur Malaya sewaktu sedang belayar ke Kelantan pada tahun 1830-an (Ali, 2013; Abdullah, 1981). Bukti sejarah sama kemudiannya diwacanakan oleh Warren dalam pengkajiannya berkaitan perubahan etnik, sejarah transformatif lautan dan laut, pelaut dan kapal serta

penceroboh dan pelarian di Asia Tenggara dengan rujukan khusus kepada wilayah Sulu-Mindanao atau sekitar Laut Sulu. Kehebatan ilmu kelautan masyarakat Iranun dan Balangingi ini juga dapat ditemui dalam catatan Raja Ali Haji yang menyatakan Sultan Mahmud III telah meminta bantuan daripada Raja Tempasuk (Iranun) semasa melawan Belanda di Riau kerana menyedari kepahlawanan kumpulan etnik tersebut berperang di laut (Van Der Putten dan Al Azhar, 2007; Hooker, 1982). Melalui pengakuan sebegini, adalah tidak menghairankan apabila kumpulan etnik Iranun dan Balangingi mampu menjelajah keluar jauh daripada tanah besar Sabah kerana mereka menguasai ilmu kelautan dan menjadi sebahagian daripada tamadun maritim nusantara.




Rajah 2. Jalur pelayaran dan penempatan Iranun dan Balangingi di sekitar Kepulauan Melayu.

Sumber: Warren (2002).

Kehebatan ilmu kelautan kumpulan etnik pesisir Sabah lainnya seperti masyarakat Bajau juga tidak dapat dinafikan sehingga digelar sebagai sea gypsies, panglima di laut, pelaut dan pelayar terulung disebabkan kehidupan mereka yang sangat dekat dengan laut (Sidru dan Arifin, 2017). Makanya, kumpulan etnik ini dicatatkan sentiasa bergerak dan menjelajah di sekitar Selat Melaka, Laut Sulu dan Laut Sulawesi jauh lebih awal sebelum era kolonial dan kemudiannya membentuk penempatan kekal di kawasan tersebut. Dalam konteks ini, sekiranya masyarakat Iranun dan Balangingi sering disinonimkan sebagai perompak laut, maka masyarakat Bajau pula terkenal dengan kegiatan mereka sebagai kelompok nelayan. Berbekalkan kemahiran dalam ilmu kelautan membolehkan masyarakat Bajau bukan sahaja menjalankan kegiatan menangkap ikan di sekitar kawasan pesisir (Syarifuddin et al., 2021; Kumalah et al., 2015), tetapi juga sehingga ke laut dalam termasuklah di Laut China Selatan (Joko et al., 2022). Meskipun kapal mereka tidak dilengkapi dengan peralatan moden, namun nelayan tradisi masyarakat Bajau ini menggunakan “pengetahuan lokal” yang diwarisi daripada satu generasi ke satu generasi lain untuk sampai ke kawasan Kepulauan Spratly (Joko et al., 2022). Sungguhpun begitu, memori sejarah yang bersifat kolektif

ini tidak pernah didokumentasikan oleh saintis sosial dan kemanusiaan, sekaligus menimbulkan keraguan tentang wujudnya interaksi antara masyarakat Sabah dengan kawasan Laut China Selatan sebelum Malaysia menduduki Pulau Layang-Layang sejak tahun 1983. Walhal, bukti sejarah yang berpotensi didokumentasikan dan disebarluaskan ini bukanlah terbit dari prasangka, khabar angin atau andaian, tetapi berdasarkan pengalaman sebenar nelayan tradisi masyarakat Bajau yang menetap di Daerah Kudat, Kota belud dan Kota Kinabalu.



Rajah 3. Taburan Masyarakat Bajau di Sabah Pada Tahun 2000.
 Sumber: Nagatsu (2010).

Walaupun terdapat pandangan yang menyatakan bahawa memori sejarah mempunyai nilai kesahihan yang rendah berbanding sumber dokumen kerana berpotensi ditokotambah untuk kepentingan informan atau dihilangkan tanpa sedar akibat masalah ingatan yang semakin melemah, namun perkara ini dapat dikurangkan sifatnya dalam konteks pendokumentasian nelayan tradisi masyarakat Bajau. Keadaan ini disebabkan, pemilihan informan dalam pendokumentasian memori sejarah nelayan tradisi masyarakat Bajau adalah terdiri daripada saksi proto iaitu “saksi yang terlibat dan melihat” keberadaan rakyat Malaysia di Laut China Selatan sebelum Malaysia dibentuk lagi. Dalam konteks falsafah ilmu sejarah, saksi proto dikategorikan sebagai sumber primer memandangkan maklumat nelayan tradisi ini adalah bersifat “sejarah sezaman”, masih dalam bentuk asalnya, mentah, tidak sempurna dan belum ditafsirkan oleh sejarawan (Marwick, 2002; 1970). Maka dengan itu, memori sejarah yang didokumentasikan ini mempunyai nilai kesahihan yang tinggi, boleh dipertanggungjawabkan serta mampu menggambarkan kenyataan sebenar pada waktu itu. Kebolehpercayaan ini semakin diperbesarkan kerana proses pendokumentasian memori sejarah nelayan tradisi tersebut juga menggunakan prosedur yang sama dalam

menilai kebenaran terhadap sumber dokumen (Joko, 2022; 2017; Roosa et al., 2004). Hal ini bermakna, sejarawan akan melakukan verifikasi secara banding silang antara memori sejarah nelayan tradisi dengan sumber dokumen agar kesahihan maklumatnya dapat diterima sebagai suatu kebenaran sejarah. Pada masa sama, saintis sosial dan kemanusiaan masih berpeluang menemui beberapa orang saksi proto untuk diuji dengan soalan yang sama bagi membolehkan setiap daripada memori sejarah yang disampaikan dapat dibanding silang, sekali gus mengesahkan keselarisan fakta yang diungkapkan oleh informan (Joko, 2012).

Tambahan pula, melalui temubual yang dijalankan dapat merakamkan idea sikap, perasaan, tindak balas dan reaksi nelayan tradisi semasa menerangkan tentang pengalaman mereka menjelajah dan menangkap ikan di sekitar Kepulauan Spratly (Yudanto, 2007; Farid, 2003; Lohanda, 1998). Dalam konteks penyelidikan sejarah, reaksi daripada nelayan tradisi ini dapat membantu sejarawan memahami pemikiran di sebalik pemikiran yang berkaitan dengan persoalan kesahihan memori sejarah (Joko, 2022; Van Der Dussen, 1981). Usaha ini selari dengan saranan Ronald J. Grele agar sejarawan “menangkap struktur yang mendasari kesedaran kerana dapat menentukan dan memberi makna terhadap temu bual” (Grele, 1985; 1979). Pada masa sama, sejarah lisan juga membolehkan sejarawan mengumpul gambar, peta dan artifak berkaitan Laut China Selatan (Kepulauan Spratly) yang bersifat koleksi peribadi, tetapi belum dikaji atau direkodkan semula (Hassan, 2004). Dalam hal ini, penghasilan fakta melalui temubual dan penemuan sumber dokumen yang bersifat koleksi peribadi mampu mengungkapkan fakta dan perspektif baharu berkaitan interaksi antara masyarakat Sabah dengan kawasan Laut China Selatan (Joko et al., 2022). Sekiranya perkara ini dapat dipenuhi, sejarawan percaya keterangan daripada informan yang ditemubual akan memperlihatkan nilai kesahihan dan kemunasabahan faktanya kerana telah melalui ujian kebenaran sejarah (Counce, 1994; Abdullah, 1981). Akhirnya kelak, sejarah lisan mampu mengisi kekosongan maklumat yang ditinggalkan oleh rekod kolonial dan kerajaan Malaysia bagi membolehkan usaha merekonstruksi “sejarah seperti sebenarnya” mengenai hubungan Malaysia dengan Laut China Selatan dapat direalisasikan sifatnya dalam penulisan sejarah nasional.

Memetakan jalur perjalanan nelayan tradisi secara terperinci

Pendokumentasian memori sejarah nelayan tradisi kumpulan etnik Bajau bukan sahaja berpotensi mendokumentasikan fakta baharu berkaitan keberadaan rakyat Malaysia di Laut China Selatan, tetapi juga memetakan jalur perjalanan kelompok tersebut dari tanah besar Sabah ke Kepulauan Spratly. Matlamat ini tidak mustahil untuk direalisasikan kerana saksi proto yang ditemui masih mengingat secara terperinci butiran pelayaran mereka, sekaligus dapat direkodkan dalam bentuk peta perjalanan dan penjelajahan kelompok terbabit sepanjang tahun 1950-an hingga 1980-an. Dengan peluang yang diperoleh ini membolehkan saintis sosial dan kemanusiaan menjejak kembali “kaedah” dan “jalur” perjalanan nelayan tradisi untuk didokumentasikan sebagai sejarah kebangsaan rakyat Malaysia. Sekiranya ini dapat dilakukan, sudah pasti memori sejarah nelayan tradisi berguna untuk mengukuhkan “faktor sejarah” pemilikan Malaysia ke atas beberapa buah pulau di Kepulauan Spratly atau sekurang-kurangnya dapat digunakan sebagai dokumen sokongan terhadap pendudukan efektif Malaysia di wilayah tersebut. Di samping berguna sebagai bukti sejarah dalam historiografi nasional, memori sejarah berkaitan pemetaan jalur perjalanan nelayan tradisi ini juga penting sebagai pengetahuan kepada generasi terkemudian tentang kehebatan nenek

moyang mereka. Pemaknaan sedemikian mempunyai fungsi yang sangat penting kerana memori sejarah yang didokumentasikan ini tidak hanya menjelaskan tentang masa lalu, malahan secara tersirat memberikan “landasan, pedoman dan arah” kepada generasi masa kini dan terkemudian (Kartodirdjo, 1982). Justeru, pendokumentasian memori sejarah nelayan tradisi sebenarnya tidak sekadar mengandungi penjelasan sejarah, malahan semangat zaman mereka (pelaku sejarah) yang bersesuaian dengan pandangan Croce bahawa setiap generasi berhak menulis sejarahnya sendiri. Usaha ini perlu disegerakan kerana dokumen sejarah akan terus kekal, sedangkan nelayan tradisi yang mewarisi pengetahuan sejarah tidak akan pernah kekal seperti yang diungkapkan oleh Starr bahawa:

“for deeds do die, how ever nobile donne, and thoughts of men do as themselves decay, but wise words taught in numbers for to runne, recorded by the Muses, live for ay”

(Lang, 1984)

Keperluan untuk mendokumentasikan memori nelayan tradisi masyarakat Bajau berkaitan jalur perjalanan dan penjelajahan mereka di Laut China Selatan (Kepulauan Spratly) ini semakin mendesak untuk disegerakan kerana tiada sebarang dokumen daripada pihak Malaysia berkaitan perkara tersebut yang tersedia sehingga kini. Keadaan ini berbeza dengan negara China yang sudah merekodkan secara terperinci dan menerbitkannya dalam laporan pelayaran dan peta perjalanan nelayan tradisi mereka sebelum abad ke-18 lagi. Meskipun perkara ini tidak menghairankan dalam konteks masyarakat Cina yang sememangnya hidup dengan budaya kelisanan dan kesedaran untuk mencatatkan pengalaman mereka sebagai pengetahuan generasi terkemudian, namun perkara sama seharusnya berjalan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Hal ini kerana, masyarakat Malaysia juga hidup dengan budaya kelisanan yang terdiri daripada kepelbagaian tradisi lisan, keterangan lisan dan testimoni lisan sebagai bukti budaya dan nilai kehidupannya. Maka sebab itu, pendokumentasian pengalaman masyarakatnya tidak hanya berjalan melalui sistem tulisan, sebaliknya turut digerakkan secara kelisanan. Kerelevanan memori dalam sejarah ini terserlah sifatnya apabila dalam strata sosial masyarakat Malaysia terdapat individu digelar sebagai “tukang cerita”, “tukang karut” dan “penglipurlara” yang tanggungjawabnya untuk menyampaikan pengetahuan dalam bentuk penceritaan. Keadaan ini membuktikan wujudnya budaya kelisanan yang berkembang di Malaysia dan usaha melestarikannya tetap dijalankan sebagai salah satu kaedah untuk memahami dan menterjemahkan peristiwa masa lalu. Sungguhpun masyarakat Malaysia hidup dengan budaya kelisanan, namun disebabkan kesedaran pendokumentasian tidak berjalan dengan baik memungkinkan perjalanan dan penjelajahan nelayan tradisi masyarakat Bajau tidak direkodkan sebagai bukti sejarah seperti yang dilakukan oleh masyarakat Cina.



Rajah 4. Sempadan Empayar Ming Mengikut Peta Ricci (1604) Sehingga ke Laut China Selatan.

Justeru, adalah tidak menghairankan apabila memori sejarah nelayan tradisi masyarakat Bajau berkaitan perjalanan dan penjelajahan mereka di Kepulauan Spratly belum didokumentasikan sehingga kini. Walau bagaimanapun, kesempatan untuk mendokumentasikannya masih dapat dilakukan kerana beberapa orang nelayan tradisi ini boleh ditemui, sihat fizikal dan mempunyai daya ingatan yang kuat sehingga memungkinkan saintis sosial dan kemanusiaan mampu mendokumentasikan perjalanan dan penjelajahan mereka secara terperinci. Tambahan pula, sejarah lisan berpotensi mendokumentasi sesuatu peristiwa sebagaimana “dihidupkan” dan “diingat” meskipun sudah berlaku dalam tempoh yang agak lama sehingga memungkinkan Starr menyatakan metod ini sebagai penerus kepada proses pengumpulan bukti sejarah setelah hilangnya tradisi penulisan sejarah. Sungguhpun begitu, usaha ini tidak akan mampu merekonstruksi sejarah keberadaan masyarakat Malaysia di Kepulauan Spratly sekitar abad ke-18 dan awal abad ke-19 seperti yang dilakukan oleh China kerana semua pelaku sejarah yang bersifat saksi proto (nelayan tradisi) sudah meninggal dunia tanpa sempat didokumentasi pengalaman mereka. Oleh sebab itu, sebarang percubaan untuk mengetengahkan interaksi antara masyarakat Malaysia dengan Laut China Selatan sebelum tahun 1951 (berdasarkan rekod tentera laut British) dengan menggunakan metod sejarah lisan sekadar meletakkan memori sejarah tersebut sebagai (i)sejarah yang ditemu-ciptakan atau (ii)sejarah yang dikatakan terjadi (Lewis, 2009; Garraghan, 1957). Hal ini kerana, maklumat kelisanan yang berkemungkinan disampaikan oleh informan sekadar diperoleh melalui “cerita daripada orang lain” dan bukannya berdasarkan pengalaman sendiri sebagai pelaku sejarah. Makanya, masa lalu yang direkonstruksi bersandarkan maklumat daripada “saksi dengar” berkecenderungan

untuk dipesongkan kerana terdedah dengan unsur penambahan dan pengurangan maklumat daripada informan sebelumnya (Joko, 2022; 2012).

Atas faktor ini, metod sejarah lisan yang diaplikasikan menghindari temubual bersama “saksi dengar” kerana mampu mempengaruhi kesahihan fakta berkaitan laporan pelayaran dan peta perjalanan nelayan tradisi masyarakat Bajau di Kepulauan Spratly. Tambahan pula, apabila suatu projek sejarah lisan lebih banyak menggunakan “saksi dengar” berbanding “saksi proto” menyebabkan kejituan memori sejarahnya mudah dipersoalkan. Hal ini kerana, maklumat daripada “saksi dengar” telah diinterpretasi dan diberikan makna oleh informan sebelum disampaikan kepada saintis sosial dan kemanusiaan, sekali gus berpotensi menghilangkan nilai “keasliannya”. Maka dengan itu, temubual yang dijalankan terhadap orang saksi proto nelayan tradisi masyarakat Bajau di Daerah Kudat, Kota Belud dan Kota Kinabalu adalah bersifat pengalaman peribadi dan bukannya cerita yang disampaikan oleh orang lain. Dengan itu, pengalaman yang didokumentasikan ini dapat menjelaskan secara terperinci jalur perjalanan nelayan tradisi masyarakat Bajau ke Kepulauan Spratly sejak tahun 1950-an untuk dipetakan sebagai dokumen sejarah baharu masyarakat Malaysia. Kesempatan ini membolehkan jalur perjalanan setiap nelayan tradisi tersebut yang dibezakan mengikut daerah penempatan dan jarak perjalanan bukan sahaja dapat dikenalpasti, tetapi juga membuktikan bahawa interaksi antara masyarakat Sabah (Malaysia) dengan Laut China Selatan adalah bersifat menyeluruh dan bukannya setempat sahaja. Kemampuan menghadirkan penulisan sejarah “seperti sebenarnya berlaku” dalam konteks perjalanan dan pelayaran nelayan tradisi ini bersesuaian dengan kenyataan bahawa sejarah sebagai suatu peristiwa yang merangkumi (i)sejarah yang diingat, (ii)sejarah yang ditemukan kembali dan (iii)peristiwa masa lampau yang sebenarnya pernah terjadi.

Menamakan wilayah tuntutan berdasarkan istilah lokal

Penjelajahan nelayan tradisi masyarakat Bajau di sekitar Kepulauan Spratly bukan sahaja dapat dipetakan, tetapi juga membolehkan usaha “penamaan kembali” wilayah tersebut berdasarkan istilah lokal berpotensi dilakukan. Dalam hal ini, sememangnya diakui bahawa semua pulau dan terumbu yang terletak di Laut China Selatan sudah dinamakan oleh negara penuntut termasuklah Malaysia (Kepulauan Spratly). Meskipun begitu, di pihak Malaysia penamaan terbabit lebih berdasarkan kepada tafsiran “dari atas” atau “penamaan autoriti”, sedangkan masyarakat bawahan juga mempunyai istilah tersendiri yang disampaikan dari satu generasi ke satu generasi lain. Walaupun penamaan yang bersifat autoriti ini tidak salah dan bersesuaian dengan gerakan menjayakan historiografi nasional sejak tahun 1980-an, namun pengistilahan lokal yang sudah digunakan sebelum Malaysia dibentuk mampu menguatkan lagi bukti kewujudan interaksi antara rakyat Malaysia dengan kawasan Laut China Selatan buat sekian lamanya. Kepentingan pengistilahan lokal ini terbukti apabila negara China menggunakan pemaknaan nelayan tradisi mereka ke atas kawasan Laut China Selatan termasuklah pulau dan terumbu yang terletak di sekitar kawasan tersebut. Perkara sama diperlihatkan dalam konteks tuntutan negara Vietnam apabila menamakan kawasan ini berdasarkan memori sejarah nelayan tradisi mereka sebagai asas pengukuhan tuntutan mereka. Sungguhpun, wujud pandangan bahawa usaha sebegini tidak mampu menjustifikasikan secara baik hak pemilikan wilayah setiap negara penuntut kerana bersifat penulisan sejarah sepihak, namun sekurang-kurangnya perkara ini berpotensi memperlihatkan kawasan Laut China Selatan (Kepulauan Spratly) tidak hanya

“ditemui”, “dijelajah” dan “diminati” oleh nelayan tradisi Cina, tetapi juga nelayan tradisi negara lain termasuklah Malaysia.

Jadual 1. Penamaan Pulau dan Terumbu di Sekitar Kepulauan Spratly Mengikut Negara Penuntut.

| Nama | China | Taiwan | Filipina | Vietnam | Malaysia |
|--------------------|----------------|--------------|----------------------|------------------------|-------------------------------------|
| Swallow Reef | Danwan Jiao | - | Celerio | Da Hoa Lau/ Da Hua Lau | Pulau Layang Layang pada tahun 1983 |
| Commodore Reef | Siling Jiao | Siling Jiao | Rizal Reef | Da Cong Do | Terumbu Laksamana |
| Investigator Shoal | Yuya Ansha | Yuya Ansha | Pawikan Shoal | Bai Tham Hiem | Terumbu Peninjau pada tahun 1999 |
| Enrica Reef | Boji Jiao | | Gabriela Silang Reef | Da En Ca | Terumbu Siput pada tahun 1999 |
| Mariveles Reef | Nan Hai Jiao | Nan Hai Jiao | Mariveles Reef | Da Ky Dan | Terumbu Montanani pada tahun 1986 |
| Ardasier Reef | Andu Tan | - | Antonio Luna | Bai Kieu Ngua/Bai Ngua | Permatang Ubi |
| Dallas Reef | Guangxing Jiao | - | Rajah Matanda | Da Da Lat/ | Dallas Reef |

Sumber: Wu (2013).

Walau bagaimanapun, matlamat ini tidak mampu direalisasikan sekiranya saintis sosial dan kemanusiaan hanya menumpukan kepada pengumpulan sumber dokumen semata-mata. Hal ini kerana, nelayan tradisi masyarakat Bajau tidak mempunyai kesedaran tentang kepentingan mendokumentasikan pengalaman mereka sebagai bukti sejarah yang bersifat kebangsaan. Pada masa sama, kebanyakan daripada kelompok ini juga tidak mempunyai pendidikan yang baik sehingga meletakkan mereka sebagai kelompok buta huruf atau sekurang-kurangnya tidak lancar dalam penulisan. Akibat daripada itu, tiada rekod bertulis mengenai pengalaman nelayan tradisi masyarakat Bajau di Laut China Selatan yang berjaya dihasilkan sehingga kini, sekali gus memungkinkan terdapat maklumat dalam bentuk dokumen yang boleh ditemui. Masalah sama akan dirasai apabila telusuran dilakukan terhadap rekod kolonial British kerana didapati tidak banyak dokumen berkaitan penguasaan mereka di Laut China Selatan yang tersedia untuk dijadikan bukti pemilikan wilayah oleh Malaysia terkemudiannya. Atas kekangan yang terpaksa dihadapi ini menjadikan metod sejarah lisan begitu relevan untuk diaplikasikan dalam merekonstruksi sejarah Malaysia di Kepulauan Spratly bersandarkan memori kolektif nelayan tradisi masyarakat Bajau. Potensi sejarah lisan ini terserlah sifatnya apabila mampu mengimbas kembali peristiwa sebenar yang berlaku di sebalik tabir atau pentas pemikiran manusia yang lebih dalam dan tersembunyi serta tidak dinyatakan dalam sumber dokumen (Haron, 1979). Kelebihan sejarah lisan ini yang akhirnya membolehkan negara China dapat menamakan kawasan Laut China Selatan berdasarkan penamaan lokal dan bukannya daripada penamaan kuasa Barat lainnya. Malahan, maklumat kelisanan daripada nelayan tradisi Cina ini yang kemudiannya digunakan oleh British semasa mereka baru sampai di Kepulauan Spratly dan dijelaskan seperti berikut:

“When British ships arrived at the Nansha Islands between 1844 and 1868 to survey the area, the crew consulted local Chinese fishermen for the names of island features and navigational directions. For example, the British HMS Rifleman arrived at Itu Aba in 1867 to obtain fresh water and survey. The crew, who did not know the name of the island, asked the Hainanese fishermen there for its name, and indicated on the sea-chart ‘Itu Aba’, based on the sounds Wuidoabe”

(Wu, 2013)

Perkara seumpama ini sebenarnya dapat dilakukan oleh Malaysia sekiranya pelaku sejarah yang bersifat saksi proto didokumentasikan pengalaman mereka. Hal ini kerana, pelaku sejarah dalam kalangan nelayan tradisi masyarakat Bajau bukan sahaja masih boleh ditemui dan memiliki daya ingatan yang kuat, malahan juga mempunyai keselarian daripada aspek “fakta sejarah” yang dikongsikannya. Dalam konteks ini, semua nelayan tradisi yang ditemui di sekitar Daerah Kudat, Kota Belud dan Kota Kinabalu mengungkapkan istilah yang sama semasa memerihalkan berkenaan penamaan lokal kawasan Kepulauan Spratly, pulau sekitarnya dan juga terumbu yang sedang diduduki atau dinyatakan sebagai milik Malaysia. Walhal, terdapat antara nelayan tradisi ini yang tidak mengenali sesama mereka dan tidak pernah berjumpa kerana jarak penempatan yang berjauhan, namun begitu masih berkongsi keselarian fakta sejarah berkaitan toponomi Kepulauan Spratly. Meskipun penamaan toponomi nelayan tradisi ini tidak boleh dibanding silang dengan sumber dokumen untuk mengesahkan kebenarannya, tetapi keseragaman istilah yang digunakan melayakkannya dianggap sebagai suatu kebenaran dan fakta sejarah yang tinggi kesahihannya (Joko, 2022). Keadaan ini disebabkan, proses banding silang kebenaran memori sejarah nelayan tradisi terbabit dilakukan antara sesama mereka sebagai saksi proto dan pelaku sejarah, sekali gus disahihkan kebenarannya berdasarkan keselarian maklumat kelisanan yang diterima oleh saintis sosial dan kemanusiaan. Atas kemampuan untuk mendokumentasikan fakta baharu berkaitan penamaan kawasan Kepulauan Spratly, maka adalah tidak mustahil untuk Malaysia “menjenamakan” semula kawasan tersebut bersandarkan pengetahuan lokal masyarakatnya yang sekian lama terabaikan secara tidak sengaja. Dengan itu, adalah tidak berlebihan untuk menyatakan bahawa “jika seorang nelayan tradisi masyarakat Bajau meninggal dunia, maka sebuah perpustakaan sejarah Laut China Selatan telah hilang”.

Kesimpulan

Keberadaan sumber sejarah memungkinkan gesaan untuk menghasilkan penulisan sejarah “seperti sebenarnya berlaku” boleh dihadirkan sifatnya dalam konteks historiografi nasional. Meskipun begitu, pemahaman akan keberadaan sumber sejarah tidak seharusnya didominasi oleh sumber dokumen semata-mata kerana sesuatu peristiwa sejarah juga dapat direkonstruksi menggunakan sejarah lisan. Malahan, kepercayaan berlebihan kepada sumber dokumen hanya akan menjadikan sebahagian besar “memori sejarah” masyarakat Malaysia tidak dapat didokumentasikan sebagai pengalaman bersifat kebangsaan dan nilai budaya masyarakatnya. Tambahan pula, sumber dokumen yang digunakan oleh sejarawan juga berpotensi dimanipulasi atas kehendak untuk berkuasa kerana dipengaruhi oleh persoalan kepentingan individu, negara dan ideologi. Atas sebab itu, persoalan kesahihan sumber dan kebenaran sejarah bukan lagi ditentukan oleh persoalan hierarki dan bentuk sumber, tetapi kemampuan sejarawan untuk memahami “pemikiran” di sebalik sumber. Makanya, keberadaan sumber sejarah sama ada dalam bentuk dokumen mahupun kelisanan sebenarnya dapat dijadikan sumber berwibawa dalam menghasilkan penulisan sejarah. Justeru, adalah tidak berlebihan untuk menyatakan bahawa mendudukan sejarah lisan dalam pengkajian sejarah Malaysia di Laut China Selatan (Kepulauan Spratly) adalah sangat mendesak sifatnya. Kesempatan ini berpotensi direalisasikan kerana saksi proto yang bersifat pelaku sejarah dalam kalangan nelayan tradisi masyarakat Bajau masih boleh ditemui,

sihat tubuh badan dan memiliki daya ingatan yang kuat sehinggakan memori sejarah yang dikongsikan mempunyai kesahihan tinggi dan mampu menggambarkan masa lalu “seperti sebenarnya berlaku”. Melalui temubual ini pula dapat mendokumentasikan fakta baharu berkaitan pengalaman nelayan tradisi masyarakat Bajau yang berada di Laut China Selatan termasuklah memetakan kembali jalur pelayaran dan penjelajahan serta menamakan kembali kawasan Kepulauan Spratly dan lingkungannya dengan penamaan lokal. Maklumat baharu yang dikemukakan ini sudah pasti bermanfaat untuk mengukuhkan tuntutan Malaysia bersandarkan kepada faktor pendudukan efektif, sekali gus memperbesarkan peluang untuk mempertahankan hak pemilikannya di Laut China Selatan (Kepulauan Spratly).

Penghargaan

Kajian ini didanai melalui geran TR@M001-2019 bertajuk “Sumber Semulajadi dan Potensi Pembangunan Strategik Ekonomi Luar Pantai Malaysia: Pulau Layang-Layang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Abdullah, A.K.M. (1981): Kisah pelayaran Abdullah ke Kelantan dan ke Judah (K. Ahmad, Ed.). – Fajar Bakti 136p.
- [2] Abdullah, T. (2001): Masalah Kontemporer Ilmu Sejarah dan Historiografi. dalam Taufik Abdullah. Nasionalisme dan Sejarah. – Bandung: Satya Historika 302p.
- [3] Adam, A.W. (2000): Sejarah lisan di Asia Tenggara, sejarah korban Indonesia. – In P. Lim Pui Huen, J. H. Morrison, & K. Chong Guan (Eds.), Sejarah lisan di Asia Tenggara: Teori dan metod (R. Z. Leirissa, Trans.), Pustaka LP3ES 334p.
- [4] Alfian, T.I. (1969): Rekonstruksi masa lampau. – Universitas Gadjah Mada 100p.
- [5] Ali, I. (2013): Perburuan Hamba, Perlanunan, dan Kempen Penghapusan Lanun di Sarawak: Perspektif Sejarah Maritim. – SUSURGALUR 1(1): 27-40.
- [6] Baharuddin, S.A. (2007): Budaya yang tercabar. – Dewan Bahasa dan Pustaka 361p.
- [7] Burke, P. (2011): Sejarah dan teori sosial. – Yayasan Pustaka Obor Indonesia 326p.
- [8] Casem, N.Y. (2012): Report on Panatag (Scarborough) Shoal incident [Memorandum, No. N2E-0412-008]. – Permanent Court of Arbitration 2p.
- [9] Counce, S. (1994): Oral history and the local historian. – Longman 227p.
- [10] Colonial Office (1930): Spratley Island and Amboyna Cay: Claim to sovereignty (CO 273/580/6). – The National Archives, United Kingdom 5p.
- [11] Dunaway, D.K., Baum, W.K. (1996): Oral history: An interdisciplinary anthology. – Rowman & Littlefield Publishers 436p.
- [12] Erman, E. (2011): Penggunaan Sejarah Lisan Dalam Historiografi Indonesia. – Jurnal Masyarakat dan Budaya 13(1): 1-22.
- [13] Farid, H. (2003): Merekam kekuatan arus bawah. – Jurnal Analisis Sosial 8(3): 143-154.
- [14] Foucault, M. (2002): Arkeologi pengetahuan. – Basabasi 360p.
- [15] Garraghan, G.J. (1957): A Guide to Historical Method. – New York: Fordham University Press 529p.
- [16] Grele, R. (1979): Listen to their voices: two case studies in the interpretation of oral history interviews. – Oral History 7(1): 33-42.

- [17] Grele, R.J. (2002): Movement without aim: Methodological and theoretical problems in oral history. – In *The Oral History Reader*, Routledge 14p.
- [18] Grele, R.J. (2007): Oral history as evidence. – In T. L. Charlton, L. E. Myers, & R. Sharpless (Eds.), *History of Oral History: Foundations and Methodology*, AltaMira Press 58p.
- [19] Haron, N. (1979): Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia. – *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics and Strategic Studies* 9: 44-58.
- [20] Hassan, R.A. (2004): *Mengenal dan mentafsir sumber-sumber sejarah*. – Karisma Publications 287p.
- [21] Hooker, V.M. (Ed.) (1982): *Tuhfat al-Nafis*. – Fajar Bakti 736p.
- [22] Hydrographic Office, British Admiralty (1899): *China Sea Directory: Vol. II. Directions for the Navigation of the China Sea, between Singapore and Hong Kong*. – London: J.D. Potter 588p.
- [23] Ikeshima, T. (2014): China's dashed line in the South China Sea: Legal limits and future prospects. – *Waseda Global Forum* 10: 17-50.
- [24] Janesick, V.J. (2007): Oral history as a social justice project: Issues for the qualitative researcher. – *Qualitative Report* 12(1): 111-121.
- [25] Joko, E.P. (2022): Sejarah lisan dalam penulisan sejarah politik Sabah: Penelitian terhadap peristiwa rusuhan Sabah. – *Universiti Malaysia Sabah* 350p.
- [26] Joko, E.P. (2017): Mendudukan Sejarah Lisan dalam Historiografi Asia Tenggara: Suatu Keperluan Mendesak. – *Southeast Asian Social Science Review* 2(2): 96-124.
- [27] Joko, E.P. (2012): Sejarah lisan dalam pensejarahan Sabah: Penelitian terhadap pengislaman masyarakat Dusun Ranau, 1940–1976. – *Universiti Malaysia Sabah* 250p.
- [28] Joko, E.P., Dollah, R., Sakke, N. (2022): Dokumentasikan tradisi nelayan Bajau sebagai bukti Spartly milik Malaysia. – *Berita Harian* 1p.
- [29] Kartodirdjo, S. (1982): *Pemikiran dan perkembangan historiografi Indonesia: Suatu alternatif*. – Gramedia 276p.
- [30] Kumalah, M.J., Saat, G., Mapjabil, J., Hussin, R., Afrizal, T., Talip, M.A. (2015): Kearifan tempatan dan potensinya sebagai tarikan pelancongan berasaskan komuniti: Kajian kes komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani, Sabah (Local knowledge and its potential as a community-based tourism attraction: The case of the Bajau Ubian Community in Mantanani Island, Sabah). – *Geografia* 11(12): 112-128.
- [31] Kuntowijoyo (2003): *Metodologi sejarah*. – Tiara Wacana Yogya 287p.
- [32] Kwa, C.G. (2000): Manfaat kesaksian lisan: Teks dan kelisanan dalam rekonstruksi masa lalu. – In P. Lim Pui Huen, J. H. Morrison, & K. Chong Guan (Eds.), *Sejarah lisan di Asia Tenggara: Teori dan metod*. Pustaka LP3ES 334p.
- [33] Lang, M.L. (1984): Herodotus: Oral history with a difference. – *Proceedings of the American Philosophical Society* 128(2): 93-103.
- [34] Lewis, B. (2009): *Sejarah: Diingat, ditemukan kembali, ditemu-ciptakan* (B. A. Widyanto, Trans.). – Ombak 143p.
- [35] Liu, N. (1995): The nomenclature of the South China Sea islands in ancient China. – *Chinese Geographical Science* 5(1): 30-38.
- [36] Lohanda, M. (2011): *Membaca sumber menulis sejarah*. – Penerbit Ombak 209p.
- [37] Lohanda, M. (1998): *Sumber sejarah dan penelitian sejarah*. – Pusat Penelitian Kemasyarakatan dan Budaya, Lembaga Penelitian, Universitas Indonesia 143p.
- [38] Lowie, R.H. (1917): Oral tradition and history. – *The Journal of American Folklore* 30(116): 161-167.
- [39] Lynd, S. (1993): Oral history from below. – *The Oral History Review* 21(1): 1-8.
- [40] Manacop, P.R. (1953): The principal marine fisheries. In D. V. Villadolid (Ed.), *Philippine fisheries: A handbook prepared by the technical staff of the Bureau of Fisheries*. – Manila: Bureau of Fisheries 20p.

- [41] Marwick, A. (2002): Knowledge and language: History, the humanities, the sciences. – *History* 87(285): 3-17.
- [42] Marwick, A. (1970): *The nature of history*. – Dell Publishing 346p.
- [43] Mohammad, M.S., Tarsat, M. (2022): SEJARAH ASAL USUL IRANUN DAN BALANGINGI DI TUNGKU, 1840-1879: History Origin of Iranun and Balangingi in Tunku, 1840-1879. – *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)* 7(1): 178-188.
- [44] Moss, W.W., Mazikana, P.C. (1986): *Archives, Oral History and Oral Tradition: A RAMP Study*. – UNESCO 108p.
- [45] Nagatsu, K. (2010): A preliminary spatial data on the distribution of the Sama-Bajau population in insular Southeast Asia. – *白山人類学 [Hakusan Jinruigaku]* 10p.
- [46] Ogura, U. (1940): *The Storm Island*. – Tokyo: Tokyo Publishing House 318p.
- [47] Okihiro, G.Y. (1981): Oral history and the writing of ethnic history: A reconnaissance into method and theory. – *The Oral History Review* 9(1): 27-46.
- [48] Permanent Court of Arbitration (PCA) (2016): In the matter of the South China Sea arbitration before an arbitral tribunal constituted under Annex VII to the 1982 United Nations Convention on the Law of the Sea between the Republic of the Philippines and the People's Republic of China (PCA Case No. 2013-19, Award). – *Permanent Court of Arbitration* 501p.
- [49] Perks, R., Thomson, A. (2015): *The oral history reader*. – Routledge 742p.
- [50] Roosa, J., Ratih, A., Farid, H. (Eds.) (2004): Tahun yang tak pernah berakhir: Memahami pengalaman korban 65: Esai-esai sejarah lisan. – Lembaga Studi dan Advokasi Masyarakat (ELSAM), Tim Relawan untuk Kemanusiaan, & Institut Sejarah Sosial Indonesia 253p.
- [51] Rosen, M.E. (2014): *Philippine claims in the South China Sea: A legal analysis*. – Arlington County: Virginia: CNA Corporation 66p.
- [52] Roszko, E. (2017): Fishers and territorial anxieties in China and Vietnam: narratives of the South China Sea beyond the frame of the nation. – *Cross-Currents: East Asian History and Culture Review* 6(1): 20-51.
- [53] Secretary of State for Foreign and Commonwealth Affairs (1974): Memorandum by the Secretary of State for Foreign and Commonwealth Affairs. – *The National Archives, United Kingdom* 4p.
- [54] Shamsul, A.B. (1996): Debating about identity in Malaysia: A discourse analysis. – *Japanese Journal of Southeast Asian Studies* 34(3): 476-499.
- [55] Shen, J. (2002): China's Sovereignty Over the South China Sea Islands: a Historical Perspective. – *Chinese Journal of International Law* 2: 94-157.
- [56] Sidru, H., Arifin, A. (2017): Kedudukan dan keberadaan masyarakat Orang Asli Bajau Laut dalam sejarah pendudukan Jepun di Sabah, 1942–45: Satu tinjauan awal. – In *Persidangan Nasional Sejarah dan Sejarawan Malaysia 2017: Memperkasa Sejarah Nasional dalam Melestarikan Pembangunan Negara*, Universiti Sains Malaysia 12p.
- [57] Spurr, D. (1993): *The rhetoric of empire: Colonial discourse in journalism, travel writing, and imperial administration*. – Duke University Press 212p.
- [58] Supardan, H.D. (2024): *Pengantar Sains Sosial: Sebuah Kajian Pendekatan Struktural*. – Jakarta: PT Bumi Aksara 672p.
- [59] Swain, D. (1965): Problems for practitioners of oral history. – *The American Archivist* 28(1): 63-69.
- [60] Sweeney, A. (1980): Authors and audiences in traditional Malay literature (No. 20). – *Center for South and Southeast Asia Studies, University of California* 83p.
- [61] Syarifuddin, N., Ma'ruf, A., Kandari, A.M. (2021): KOMUNITI BAJAU-LAUT DAN SISTEM ZON KONSERVASI TAMAN MARIN: ANTARA TAFSIRAN AUTORITI DAN TAFSIRAN HARIAN. – *e-BANGI* 18(7): 116-135.

- [62] Thompson, P. (2017): *The voice of the past: Oral history*. – Oxford University Press 484p.
- [63] Van Der Dussen, W.J. (1981): *History as a science: The philosophy of R. G. Collingwood*. – Martinus Nijhoff 494.
- [64] Van Der Putten, J., Al Azhar. (2007): *Dalam berkekalan persahabatan: Surat-surat Raja Ali Haji kepada Von de Wall (A. Syahri, Trans.)*. – Kepustakaan Populer Gramedia 393p.
- [65] Vansina, J. (2014): *Tradisi lisan sebagai sejarah (A. Reza, Trans.)*. – Ombak 347p.
- [66] Warren, J.F. (2002): *Iranun and Balangingi: Globalization, maritime raiding and the birth of ethnicity*. – New Day Publishers 585p.
- [67] Warren, J.F. (1981): *The Sulu zone, 1768–1898: The dynamics of external trade, slavery and ethnicity in the transformation of a Southeast Asian maritime state*. – Singapore University Press 390p.
- [68] Wright, L.R. (1963): *British Policy in the South China Sea Area with Special Reference to Sarawak, Brunei and North Borneo 1860-1888*. – University of London, School of Oriental and African Studies (United Kingdom) 400p.
- [69] Wu, S. (2013): *Solving disputes for regional cooperation and development in the South China Sea: A Chinese perspective*. – Elsevier 200p.
- [70] Wu, S. (1999): *The Origin and Development of the Nansha Disputes*. – Ocean Press 176p.
- [71] Yudanto, A. (2007): *Oral history dalam penyelesaian konflik agraria*. – SERAT 4p.